

NASIHAT MAHATHIR PADA KOMPONEN BN UNTUK STABILKAN

Pemilihan di Vie

UM 30 JUN 1987

jadikan panduan

PARTI MASING²

na

SUBANG 29 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menasihatkan parti - parti komponen Barisan Nasional supaya menjadikan cara pemilihan Presiden Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah sebagai panduan untuk menstabilkan parti masing - masing.

Perdana Menteri menegaskan sikap tolak - ansur yang ditunjukkan oleh negara - negara Amerika Latin hingga Malaysia terpilih menjadi presiden persidangan tanpa bertanding terbukti telah membawa hasil kepada semua negara peserta. Beliau berkata telah terbukti juga bagaimana rundingan

Renungan

BAGI tiap - tiap sesuatu ada jalannya. Dan jalan kesyurga ialah ilmu. — Maksud Al-Hadis riwayat Ad-Dailami.

dan tolak - ansur dapat membawa perpaduan yang erat yang akhirnya membawa hasil yang diharapkan oleh semua.

Perdana Menteri berucap kepada perhimpunan besar - besaran rakyat dan parti - parti politik yang menyambut kepulangan beliau dari Vienna di mana beliau terpilih tanpa bertanding sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah. Datuk Sri Dr. Mahathir mempengerusi persidangan 10 hari itu yang dihadiri oleh 138 buah negara.

Dalam pemilihan presiden persidangan tersebut, Malaysia pada mulanya menghadapi tentangan dari Bolivia. Bagaimanapun, hasil sokongan negara - negara sahabat serta semangat tolak - ansur, Bolivia akhirnya menarik diri dan Malaysia terpilih tanpa bertanding. Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, jika cara rundingan dan tolak - ansur yang berlaku di Vienna diamalkan di Malaysia, beliau yakin parti - parti politik akan menjadi lebih kukuh dan stabil.

Perdana Menteri menambah, semangat rundingan dan tolak - ansur itu juga telah membawa perpaduan kepada seluruh dunia di mana persidangan dapat berjalan dengan berkesan tanpa masalah. Katanya, parti - parti politik Malaysia seperti UMNO, MCA dan MIC dan yang lain hendaklah menjadikan cara rundingan dan tolak - ansur itu sebagai panduan dan pegangan mereka ke arah menstabilkan parti masing -

LIHAT MUKA 6

PEMILIHAN DI VIENNA JADIKAN PANDUAN

UM 30 JUN 1987

masing dan seterusnya menstabilkan negara. Dengan kestabilan ini, katanya, rakyat dan kerajaan akan dapat meneruskan perjuangan mencapai cita - cita murni membangunkan negara dan bangsa.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa pemilihan Malaysia menjadi presiden persidangan tanpa bertanding juga membuktikan bahawa negara ini mempunyai ramai kawan di seluruh dunia.

Hakikat ini, tegas beliau, dengan sendirinya menolak cerita - cerita kononnya Malaysia tidak disukai di peringkat antarabangsa. Sokongan negara - negara kuasa besar yang diterima awal - awal lagi jelas menunjukkan Malaysia mendapat sokongan negara

- negara tersebut meskipun ada pihak - pihak tertentu mendakwa mereka itu tidak suka pada Malaysia. Sebelum itu, kepulangan Perdana Menteri diberi sambutan kesateria Melayu.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kira-kira pukul 6.30 petang dan disambut oleh kira-kira 20,000 orang, kebanyakannya anggota dan penyokong UMNO. Datuk Sri Dr. Mahathir diberi sambutan sateria Melayu kerana menaikkan nama bangsa dan negara dengan kejayaannya dipilih sebagai presiden persidangan anjuran Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu itu. Perdana Menteri diiringi oleh isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti

Hasmah dan Timbalan Menteri Luar, Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan. Sebaik saja turun daripada pesawat berkenaan, Datuk Sri Dr. Mahathir diiringi ke pentas khas di pekarangan Terminal Dua oleh kira-kira 500 orang anggota Ezhar Kompong Selangor dan Wilayah Persekutuan dan 500 orang lagi yang membawa bunga manggar, daripada Kumpulan Silat Pemuda UMNO dan Kumpulan Tarian Singa Gerakan.

Doa selamat kemudian dibaca oleh Encik Zainal Sakom, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Muhammad Haji Mohd. Taib, yang kemudiannya menyampaikan kepada Perdana Menteri sehelai selepang sebagai

menandakan seorang wira negara.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang juga Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz menyampaikan sejabak "bunga tahniah" kepada Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah.

Pemangku Ketua Pemuda UMNO yang juga Menteri Belia dan Sukan, Datuk Sri Najib Tun Razak menyempurnakan upacara itu dengan menyampaikan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir sepersalinan baju Melayu lengkap dengan tengkolok dan keris.